

PERUBATAN

Rawatan implan tambahan bagi penyakit usus Gerd

► **NUR SYUHRAH HASSAN**
nsyuhrah@sph.com.sg

PESAKIT mengalami penyakit usus *gastroesophageal reflux* (Gerd), kini boleh mendapatkan rawatan implan tambahan yang baru di Hospital Universiti Nasional (NUH).

Gerd adalah keadaan apabila kandungan dalam perut naik semula ke tekak (esofagus) lalu menyebabkan rasa tidak selesa, kepedihan ulu hati, regurgitasi atau rasa masam di hujung tekak.

Risiko mengalami Gerd meningkat dengan usia dan bagi mereka yang gemuk.

Rawatan implan tambahan ini merupakan alat magnetik yang diletakkan di bahagian bawah luar tiub makanan, bersimpangan dengan perut, bagi membantu menguatkan tiub untuk menutup dan mengetatkan salurannya lalu mencegah kandungan makanan untuk naik semula ke tekak.

Menurut Dr Asim Shabbir, Perunding Kanan Bahagian Pembedahan Am (Pembedahan Gastrointestinal Atas) di NUH, yang memimpin kumpulan operasi bagi rawatan baru ini berkata:

“Rawatan tambahan baru ini sesuai bagi orang dewasa pertengahan umur dan warga tua yang tidak ingin makan ubat jangka panjang setelah operasi dan juga ingin meningkatkan mutu kehidupan mereka.

Selepas rawatan tambahan ini, pesakit boleh muntah dan sendawa seperti biasa, berbanding dengan pesakit yang telah mengalami pembedahan konvensional Gerd di mana mereka akan membalut perut dan membuat saluran tiruan.”

Prosedur rawatan tambahan ini lebih semula jadi dan kurang invasif kerana ia tidak melibatkan perubahan ketara pada anatomi esofagus atau perut, yang mungkin membatasi pilihan rawatan pada masa depan.

Antara lain, rawatan ini lebih standard sepanjang operasi.

Menurut Dr Asim, pesakit yang mengalami rawatan tambahan ini akan pulih dengan lebih cepat.

“Pesakit akan dibenarkan pulang tidak lebih daripada dua hari selepas pembedahan. Selain itu, mereka tidak mempunyai sekatan makanan dan boleh makan diet mereka yang biasa. Jika mereka melalui pembedahan konvensional, selalunya, mereka akan mengambil masa yang lebih panjang untuk pulih. Mereka juga harus mulakan dengan diet air, dan dengan perlahan tukar kepada diet makanan pepejal.”

Tambahan pula, rawatan ini juga hanya akan mengambil masa selama 90 minit berbanding dengan tiga jam bagi pembedahan konvensional.



RAWATAN BARU: Dr Asim menjelaskan bahawa rawatan implan tambahan bagi penyakit usus Gerd lebih semula jadi tanpa melibatkan perubahan ketara kepada anatomi tekak atau perut. – Foto SISTEM KESIHATAN UNIVERSITI NASIONAL (NUHS)

Jumlah anggaran yang merangkumi kos pembedahan, implan dan kemasukan ke hospital hingga 3 hari, adalah sekitar \$9,000 untuk pesakit yang mempunyai subsidi, sebelum pembedahan MediSave atau MediShield.

Menurut Dr Asim, rawatan ini akan ditawarkan di hospital tempatan lain tidak lama lagi.

Rawatan tambahan ini telah ditawarkan kepada pesakit menghidapi Gerd sejak Jun tahun lepas yang mencari alternatif untuk pemulihan.

Sejauh ini, sebanyak 16 pesakit telah menjalani rawatan implan tambahan itu dan mereka dapat melihat kesan sampingan yang minimum seperti mempunyai rasa makanan tersekat atau pengumpulan air liur di mulut.

Antara pesakit yang telah menjalani rawatan tambahan ini adalah Encik Wang, seorang pendidik berumur 32 tahun.

Beliau telah mengalami Gerd dan sering terbangun tidur akibat rasa tidak selesa dan keperitan di hujung tekak dan lidah, dan rasa masam di mulut.

Beliau juga sering berasa penat dan lelah.


Untuk melegakan gejalanya, beliau bergantung pada ubat Gerd seperti antasid.

Encik Wang sering makan berlebihan untuk mengatasi masalah asid perut dan ini menyebabkan berat badannya naik dan indeks jisim badan (BMI) lebih daripada 20.

Sejak operasinya pada Julai 2019, Encik Wang dapat menjaga BMI yang lebih sihat dan gejalanya kebanyakan sudah kurang atau pulih.

Beliau tidak lagi memerlukan ubat Gerd dan dapat menikmati makanan kegemarannya iaitu makanan pedas, tanpa kerisauan.

Cara elak pedih hulu hati yang serius



GERD: Gambaran apabila pedih hulu hati berlaku sebagaimana yang ditunjukkan pada imbasan dalam usus. Perut berwarna merah. – Foto-foto ISTOCKPHOTO

PEDIH hulu hati sering dipandang sebagai masalah biasa namun boleh membawa kesan lebih kronik sekiranya dibiarkan berlarutan.

Ini kerana asid dari dalam perut yang mempunyai pH (kadar asid) yang hampir sama dengan asid bateri naik ke esofagus (salur makanan) dan menghakis saluran ini seterusnya menyebabkan kesakitan.

Pedih hulu hati atau refluks asid menyebabkan seakan rasa terbakar pada dada.

Jika berlaku lebih daripada dua kali seminggu diiringi kesukaran bernafas atau menelan, ini menandakan keadaan lebih serius dikenali sebagai Penyakit Refluks Gastroesofagus (Gerd).

Definisi Gerd:

- Keadaan kronik yang menyebabkan kandungan dalam perut keluar semula ke esofagus (salur yang membawa makanan daripada tekak ke perut akibat refluks asid).

- Menyebabkan radang dan menimbulkan gejala atau simptom.

Gerd sering dikaitkan dengan makanan pedas dan beracid, namun ini bergantung pada setiap individu.

Secara umum, perut mempunyai persekitaran berasid dan sekiranya pesakit makan makanan berasid seperti tomato, makanan pedas, minuman kafein seperti kopi boleh menyebabkan radang lapisan perut.

Gerd yang ringan boleh hilang tetapi memerlukan pesakit mengubah gaya hidup seperti

tidak merokok, mengurangkan berat badan, memantau makanan diambil, senaman dan mengawal tekanan.

Sesetengah pesakit pula walaupun mengalami gerd ringan sudah cukup mengganggu kehidupan harian dan perlu mendapatkan rawatan

Fungsi asid:

- Menghadam makanan
- Apabila fikir untuk makan, otak menghasilkan hormon supaya asid bersedia untuk menghadam makanan.

Gejala gerd:

Pesakit mengadu mengalami masalah penghadaman (dispepsia) menyebabkan muntah. Sering mengalami keadaan tidak selesa pada dada, loya dan apabila bergerak ke kiri dan kanan semasa berbaring terasa seakan asid keluar dari mulut.
Ada pesakit mengalami keadaan seakan serangan jantung.
- Pedih hulu hati (gejala utama refluks asid).
- Rasa masam pada tekak (asid perut).
- Sukar menelan atau tersekat pada tekak atau dada.
- Pengumpulan angin dalam perut.
- Sendawa berlebihan.

Sesetengah orang mungkin mengalami:

- Batuk kering kronik
- Sesak nafas

- Nafas berbau (asid membunuh bakteria baik dalam mulut).
- Kerosakan gigi dan gusi.

Kesan ke atas penderita gerd:

- 80 peratus penurunan menikmati makanan.
- 60 peratus mengalami gangguan tidur.
- 40 peratus sukar bekerja.

Rawatan:

Ramai yang tidak mendapatkan rawatan dan hanya membeli ubat di kaunter farmasi kerana menganggap ini masalah biasa

Ubat:

- Menyekat rembesan asid dikenali sebagai perencat pam proton.

Mengubah gaya hidup:

Usaha mengurangkan berat badan berupaya mengatasi masalah Gerd kerana obesiti dikaitkan dengan beberapa jenis seperti kanser sistem penghadaman, perut dan usus.

Individu yang mengalami obesiti, *sfinker* (pencerut) esofagus bawah (LES) yang mengawal makanan ke dalam perut mungkin tidak berfungsi.

Selepas makan, kandungan dalam perut tidak sepatutnya keluar ke esofagus tetapi disebabkan gangguan akibat berat badan berlebihan, pesakit mudah mengalami refluks asid.

- Hidup lebih sihat
- Mengurangkan berat badan.

TANYA DOKTOR

Penjagaan kesihatan adalah perkara paling utama dalam menjamin kehidupan masyarakat yang sejahtera.

Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA) komited dalam memastikan komuniti mendapat akses kepada pakar-pakar perubatannya dengan mudah dan cepat.

Dapatkan nasihat kesihatan secara percuma dengan bertanyakan masalah kesihatan anda kepada kumpulan doktor MHPA.

Kemukakan soalan anda kepada nizam@sph.com.sg



Muslim Healthcare Professionals Association